

Transformasi luar bandar tidak akan berjaya tanpa pendidikan sebagai pemungkin: Maximus

KOTA MARUDU: Transformasi penduduk luar bandar, termasuk di Kota Marudu, tidak akan berjaya sekiranya pendidikan tidak berperanan sebagai pemungkin bagi kemajuan masyarakat, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Maximus, yang juga anggota parlimen Kota Marudu, berkata lima tahun lepas, Kota Marudu meletakkan sasaran mempunyai seorangan siswazah di setiap kampung untuk menjadi pemungkin bagi kemajuan masyarakat.

"Kami mahu setiap kampung mempunyai sekurang-kurangnya seorang siswazah daripada kalangan penduduknya untuk menjadi contoh kepada masyarakat tentang betapa pentingnya pendidikan untuk kemajuan individu.

"Pada waktu yang sama, mereka akan memainkan peranan penting memajukan masyarakat dengan menggunakan pengetahuan serta kemahiran yang mereka miliki untuk berkhidmat kepada orang ramai," katanya pada pesta pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Orang Ramai Kota Marudu di

sini, kelmarin.

Kota Marudu mempunyai kira-kira 300 kampung berdaftar, termasuk 140 di daerah kecil Matunggong.

Pameran pendidikan itu, yang bertemakan "Selangkah Lagi Untuk Ke Universiti", ialah anjuran bersama pejabat parlimen Kota Marudu dan UMS, yang bertujuan mendorong pelajar dari Kota Marudu, yang telah dan akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Kami sudah mencapai 90 peratus sasaran ini dan kini tidak sampai 30 kampung lagi yang belum melahirkan siswazah. Malah, Kampung Sungai Magandai yang berkedudukan terpencil itu pun melahirkan dua siswazah," kata Ongkili.

Beliau berkata kini Kota Marudu meletakkan sasaran untuk melahirkan seorang siswazah dalam setiap keluarga menjelang 2020 sebagai langkah susulan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat tentang pentingnya pelajaran untuk kemajuan dan kesejahteraan hidup mereka. -Bernama